

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL
RAHMAN [LABUAN]**

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kebenaran supaya feri kenderaan (Roro feri kenderaan) beroperasi sehingga jam 12.00 malam dan ditambah bilangan sedia ada bagi memastikan tidak ada masalah untuk rakyat Labuan atau Sabah berulang-alik menggunakan kemudahan feri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan feri RORO sedia ada beroperasi sehingga jam 8 malam setiap hari.
2. Dalam hubungan ini, secara asasnya, Kementerian Pengangkutan tiada halangan terhadap cadangan untuk melanjutkan tempoh operasi perkhidmatan feri RORO sehingga jam 12 malam. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu dirujuk kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia bagi memastikan kesediaan sumber manusia bagi tujuan operasi lebih masa.

Sekian, terima kasih.